

17 SEP 1997

Kabinet-Pelancong

RAKYAT MALAYSIA TIDAK DIGALAK MELANCONG KE LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak menggalakkan rakyat negara ini melancong ke luar negara sebagai satu langkah jimat cermat dalam menghadapi defisit akaun semasa negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat kabinet hari ini.

"Sungguhpun begitu kerajaan buat masa ini belum lagi berhasrat untuk mengenakan tindakan tertentu atau drastik terhadap mereka yang ingin melancong ke luar negeri," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan tarikh Karnival Membeli-Belah 1997 di sini hari ini.

Karnival Membeli-Belah '97 yang kali ini buat pertama kalinya berlangsung selama sebulan mulai 4 Okt, juga memperlihatkan penyertaan ulung Kuching dan Miri bersama-sama Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Baharu. Karnival sebelum ini hanya selama dua minggu.

Sehubungan dengan itu, katanya, kerajaan mahu rakyat negara ini bercuti di dalam negara sendiri dan usaha bagi menggalakkan pelancongan domestik akan dipergiatkan lagi.

Pada masa yang sama, kementerian itu dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pelancongan Malaysia) diminta mempertingkatkan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong luar negara menjadikan Malaysia sebagai destinasi mereka.

Sabbaruddin berkata kerajaan memandang berat arah aliran baru rakyat negara ini yang begitu berminat melancong ke luar negara.

Katanya sungguhpun tahun lepas negara menyaksikan ketibaan 7.1 juta pelancong dengan pendapatan RM11.2 bilion, jumlah keluar rakyat negara ini pada masa yang sama ialah 6.2 juta dengan membelanja sebanyak RM6.8 bilion.

Menyentuh masalah ekonomi yang dihadapi beberapa negara di rantau ini yang menjadi pasaran utama pelancongan negara serta masalah jerebu yang melanda negara sekarang, beliau berkata jika kerajaan negara-negara berkenaan tidak mengenakan tindakan drastik ke atas rakyat mereka untuk melancong ke Malaysia, industri pelancongan negara tidak akan terjejas.

"Jika kerajaan-kerajaan berkenaan setakat hanya tidak menggalakkan rakyatnya keluar negara, saya yakin pendapatan pertukaran asing negara ini daripada industri pelancongan tidak terjejas malah akan bertambah daripada tahun lepas," katanya.

Sebagai contoh, katanya, tahun lepas negara hanya menyaksikan 7.1 juta ketibaan pelancong iaitu turun 4.4 peratus berbanding tahun 1995, tetapi pendapatan bagi tahun lepas meningkat 13.3 peratus.

Semasa ditanya mengenai lawatannya ke Mongolia bersama-sama ahli-ahli perniagaan dalam delegasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas, Sabbaruddin berkata lawatan itu lebih khusus kepada menggalakkan pelabur Malaysia melabur dalam bidang berkaitan dengan pelancongan di negara itu.

"Bila cakap pasal pelancongan dalam lawatan itu, ia bermakna untuk mencari peluang melabur di sana, bukan untuk memikat orang Mongolia melancong ke negara ini," katanya. -- BERNAMA

SJA NMO